

# PERANAN INSTITUSI MASJID DALAM MEMBANGUNKAN MODAL INSAN DAN EKONOMI KOMUNITI MUSLIM DI MALAYSIA

## *THE ROLE OF THE MOSQUE INSTITUTION IN DEVELOPING HUMAN CAPITAL AND ECONOMY OF THE MUSLIM COMMUNITY IN MALAYSIA*

Mohd Muhaizam Md Ishak <sup>1</sup>

Farahdina Fazial<sup>2</sup>

Siti Aisyah Yusof <sup>3</sup>

Muhammad Saiful Islami Mohd Taher<sup>4</sup>

Md Saufi Abd Hamid<sup>5</sup>

Nooramira Ghazali <sup>6</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah  
(Email: muhaizam@uitm.edu.my)

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah  
(Email: farahdinafazial@uitm.edu.my)

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Kedah  
(Email: aisyah421@uitm.edu.my)

<sup>4</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Kedah  
(Email:msaiful0860@uitm.edu.my)

<sup>5</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Kedah  
(Email: mdsau633@uitm.edu.my)

<sup>6</sup>Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Unisza  
(Email: nooramiraghazali@unisza.edu.my)

Corresponding Author: muhaizam@uitm.edu.my

### Article history

**Received date** : 25-8-2024

**Revised date** : 26-8-2024

**Accepted date** : 20-10-2024

**Published date** : 25-10-2024

### To cite this document:

Md Ishak, M. M., Fazial, F., Yusof, S. A, Mohd Taher, M. S. I., Abd Hamid, M. S., & Ghazali, N. (2024). Peranan Institusi Masjid dalam Membangunkan modal insan dan ekonomi komuniti muslim di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (67), 174 - 183.

---

**Abstract:** *Masjid merupakan rumah ibadah bagi umat Islam dalam mengerjakan kewajipan solat, majlis keagamaan dan pusat aktiviti sosial umat Islam. Sejarah telah menunjukkan bahawa institusi masjid memainkan peranan penting sebagai agen perubahan dalam pembangunan sosio-ekonomi komuniti Muslim. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan masjid sebagai pusat pembangunan modal insan komuniti Muslim. Kedua, menganalisis peranan masjid dari aspek perekonomian bagi meningkatkan taraf hidup komuniti Muslim di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan pendekatan analisa kandungan. Data diperolehi daripada dokumen-dokumen yang relevan. Hasil kajian mendapati, peranan masjid dapat dioptimumkan dalam pelbagai aspek, termasuk pendidikan agama, latihan kemahiran, dan sokongan ekonomi, komuniti Muslim dapat berkembang secara holistik.*

*Ini seterusnya membantu dalam meningkatkan kualiti hidup, memperkukuhkan perpaduan ummah, serta memperkasakan ekonomi komuniti Muslim di negara ini.*

**Kata Kunci:** *Masjid, Modal Insan, Ekonomi, Komuniti*

**Abstract:** *The mosque serves as a place of worship for Muslims to perform obligatory prayers and religious gatherings and as a center for social activities within the Muslim community. History has shown that the mosque institution plays a crucial role as an agent of change in the socioeconomic development of the Muslim community. Therefore, this paper aims to identify the role of the mosque as a center for human capital development within the Muslim community. Secondly, it analyzes the economic role of the mosque in improving the standard of living of the Muslim community in Malaysia. This study is qualitative, using a content analysis approach. Data was obtained from relevant documents. The findings indicate that the role of the mosque can be optimized in various aspects, including religious education, skills training, and economic support, enabling the Muslim community to develop holistically. This, in turn, helps to improve the quality of life, strengthen the unity of the ummah, and empower the economy of the Muslim community in the country.*

**Keywords:** *Mosque, Human Capital, Economy, Community*

## **Pengenalan**

Masjid berasal dari bahasa arab “*sajada, yasjudu, sajdan*”. Perkataan *sajada* ini merujuk kepada maksud bersujud, taat, patuh serta tunduk dengan penuh hormat (Syauqi, 2004). Institusi masjid merupakan pusat ibadah dan komuniti dalam Islam yang memainkan peranan yang penting dalam kehidupan umat Muslim. Secara umumnya, masjid bukan sekadar lambang atau simbol, malah dianggap sebagai nadi dan pusat kegiatan bagi aktiviti umat Islam. Kemegahan sesebuah masjid tidak hanya bergantung kepada keindahan seni bina semata-mata tetapi juga memerlukan perhatian yang serius terhadap tahap pengimarahannya yang dilaksanakan (Kamaruddin, 2023). Di Malaysia, institusi masjid bukan sahaja berfungsi sebagai tempat solat, tetapi juga sebagai pusat pendidikan, sosial, dan ekonomi. Dari aspek pembangunan modal insan, masjid menjadi tempat pelaksanaan program pendidikan, latihan, dan pembangunan kemahiran yang bertujuan untuk memperkasakan individu dan masyarakat. Roslan (2004) menyatakan, masjid berperanan sebagai pangkalan pembangunan insan yang berpaksikan kepada akidah yang benar dalam membina masyarakat ke arah memiliki nilai-nilai hidup yang mulia. Program pembangunan modal insan ini merangkumi pelbagai aspek, termasuk pengajian agama, pendidikan formal dan tidak formal, serta kursus-kursus kemahiran yang berkaitan dengan kehidupan seharian. Pembangunan insan yang berpaksikan kepada keimanan akan membentuk masyarakat yang kuat sekaligus dapat memandu ke arah kehidupan yang baik dan sejahtera. Insan yang kukuh iman dan jiwanya akan membentuk masyarakat yang taat melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran (Khalim & Aminuddin, 2008).

Selain itu, masjid juga memainkan peranan penting untuk pembangunan ekonomi masyarakat setempat. Peranan masjid dari aspek ekonomi dapat diperluas melalui pelaksanaan aktiviti dan program yang berkonsepkan perniagaan sosial dan penjana ekonomi masyarakat dan masjid (Md Radzi, Yaacob & Ahmad, 2023). Masjid berperanan sebagai nadi ekonomi masyarakat setempat dengan pelbagai inisiatif yang dapat meningkatkan kesejahteraan ekonomi. Pada masa kini, banyak masjid telah mula melaksanakan aktiviti ekonomi untuk meningkatkan dana mereka dan tidak hanya bergantung kepada sumbangan masyarakat semata-mata dan tujuan

utama pengumpulan dana ini adalah untuk disalurkan kembali bagi membantu kesejahteraan dan pembangunan masjid (Kamaruddin, 2023).

Namun, skop pemakmuran dan pengimarahannya masjid perlu diperluas agar tidak terbatas kepada aktiviti-aktiviti bersifat tradisional semata-mata, tetapi juga merangkumi pelbagai elemen pembangunan modal insan yang lebih holistic seperti aspek pembangunan kemahiran dan pengalaman, kesihatan fizikal dan mental, nilai dan etika serta kreativiti dan inovasi. Ini penting bagi merealisasikan hasrat melahirkan modal insan yang lebih komprehensif dan berkualiti. Realitinya masjid-masjid di Malaysia sudah mulai bergerak ke arah itu. Terdapat kesedaran tentang pentingnya masjid turut menyumbang peranan dalam pembangunan lapangan-lapangan tersebut sehingga program-program seperti derma darah, ceramah kesihatan, bengkel penulisan, kursus pendek berkaitan pentadbiran dan pengurusan, latihan kraftangan, demonstrasi silat, program kesenian, kelas tuisyen, pembangunan ekonomi dan lain-lain sudah mulai dianjurkan oleh pihak masjid melalui kerjasama dengan pelbagai pihak sama ada pihak kerajaan mahupun swasta. Senario sebegini sudah mulai wujud namun belum meluas dan tidak banyak masjid yang mampu melakukannya, khususnya masjid-masjid di desa yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai kekangan dan halangan. Justeru, suatu usaha perlu dilakukan oleh pihak berwajib bagi membantu pihak masjid agar cita-cita pembangunan modal insan dan ekonomi yang komprehensif ini dapat direalisasikan supaya manfaatnya dapat dirasai oleh anak-anak kariah khususnya dan masyarakat Islam umumnya.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan masjid sebagai pusat pembangunan modal insan bagi komuniti Muslim serta meneroka fungsi ekonomi masjid dalam usaha meningkatkan taraf hidup masyarakat Muslim di Malaysia.

## **Sorotan Kajian Lepas**

### **Peranan Masjid pada Zaman Rasulullah S.A.W**

Pada peringkat awal perkembangan Islam, agama Islam disampaikan di rumah Rasulullah SAW dan Saidina Arqam bin Abi al-Arqam secara sulit selama kira-kira tiga tahun. Apabila Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah pada tahun 622 H, Baginda telah mendirikan masjid pertama iaitu Masjid Quba. Menurut Darusalam (2001), masjid pada zaman Rasulullah SAW memainkan beberapa peranan utama antaranya, tempat ibadah, pusat kegiatan sosial dan kemasyarakatan serta tempat pembelajaran dan pendidikan. Ahmad (2004) peranan masjid pada awal Islam adalah sebagai pusat pentadbiran, pusat pendidikan pusat aktiviti masyarakat, pusat kesenian dan pusat penyelidikan dan kajian. Rasulullah SAW menjadikan masjid sebagai tempat menerima rombongan dan tetamu yang datang menemui Baginda dan bermalam, serta golongan fakir miskin turut ditempatkan di suatu ruang dalam Masjid Nabawi (Abd Wahab, Ab Hamid dan Che Man, 2016). Hal ini jelas membuktikan bahawa masjid juga turut berfungsi sebagai pusat kebajikan kepada umat Islam. Kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Putra dan Rumondor (2016) yang menyatakan, Masjid Nabawi pada zaman Rasulullah SAW mempunyai sepuluh fungsi iaitu masjid berperanan sebagai tempat beribadah, pendidikan, sosial, tempat latihan ketenteraan, pendamaian, tempat menerima tetamu, tempat tahanan, pusat penerangan dan pembinaan Islam.

### **Peranan Masjid sebagai Agen Pembangunan Modal Insan**

Pembangunan modal insan merujuk kepada pertumbuhan dan perubahan ke atas individu, komuniti atau masyarakat sesuatu bangsa dalam usaha meningkat dan memperkukuhkan jati diri rakyat dalam segenap lapangan hidup (Suhid, 2007). Pembangunan modal insan merupakan

satu strategi yang diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi. Strategi ini adalah bagi memastikan persediaan kepada lapisan masyarakat supaya bersedia dengan sebarang perubahan dan pembangunan yang akan berlaku di masa akan datang (Ilias & Jasmi, 2011). Menurut Zulkifli, Mustafar dan Ridzuan (2023), pembangunan modal insan merupakan teras utama bagi membentuk suatu masyarakat yang celik minda serta boleh bersaing seiring dengan matlamat pembangunan mampan yang telah digariskan oleh Bangsa-bangsa Bersatu 2030. Rosli, Mahmud dan Azni (2022) berpendapat, cara hidup moden telah mengakibatkan pembangunan modal insan terjejas. Hal ini menyebabkan kehidupan masyarakat masa kini dipengaruhi dengan corak berfikir yang boleh menghancurkan akhlak dan iman manusia. Bagi mencapai kejayaan sebenar pembangunan modal insan, masjid perlu memainkan peranan sebagai agen pembangunan modal insan dalam usaha menerapkan pendidikan Islam secara holistik dan memupuk akhlak mulia dalam kalangan para remaja. Menurut Abd Wahab, Ab Hamid dan Che Man, (2016), antara peranan masjid dalam pembangunan modal Islam meliputi pendidikan dan pengajaran, pembinaan karakter, pusat pentadbiran, pusat pengembangan sosial, pusat yang dapat menjalinkan hubungan kekeluargaan dan pusat pembinaan kepimpinan Individu.

### **Peranan Masjid dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam**

Masjid memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan ekonomi Islam, bukan hanya sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai institusi yang berfungsi untuk memperkukuh ekonomi masyarakat (Ismail, 2020). Masjid adalah pusat kehidupan masyarakat Islam yang turut berfungsi sebagai institusi yang berperanan dalam pembangunan sosial dan ekonomi (Ibhrain et al., 2021; Abd Wakil et al., 2024). Di samping solat berjemaah yang merupakan aktiviti paling utama di masjid, terdapat pelbagai aktiviti lain yang berfokus kepada pendidikan, kemasyarakatan, pentadbiran, sukan dan keusahawanan yang boleh dikembangkan melalui institusi masjid (Muhyiddin & Ridouan, 2021). Masjid juga boleh menganjurkan pelbagai aktiviti ekonomi yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Ini termasuklah pasar tani, bazar dan pameran produk halal (Abd. Wahab et al., 2017). Dengan mengadakan aktiviti-aktiviti seperti ini, masjid bukan sahaja dapat menjana pendapatan tetapi juga dapat menggalakkan jemaah untuk menyokong produk-produk tempatan dan keluaran orang Islam. Sebagai contoh, bazar Jumaat boleh menjadi platform untuk usahawan tempatan mempromosikan produk-produk mereka. Ini bukan sahaja membantu meningkatkan ekonomi setempat tetapi juga memperkenalkan konsep muamalat dalam Islam kepada masyarakat. Dengan cara ini, masjid dapat berfungsi sebagai pusat ekonomi yang aktif dan dinamik (Bakar, 2019; Kamaruddin, 2023). Penjanaan dana masjid yang efektif ini secara tidak langsung mampu melahirkan usahawan-usahawan Muslim dan seterusnya menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat (Mohd Hussin et al., 2014).

Masjid juga berperanan dalam mendidik masyarakat tentang ekonomi Islam. Program-program pendidikan yang berkaitan dengan pengurusan kewangan, zakat, dan keusahawanan boleh diadakan di masjid. Melalui pendidikan ini, jemaah dapat memahami prinsip-prinsip ekonomi Islam dan bagaimana ia boleh diterapkan dalam kehidupan seharian mereka. Kursus atau ceramah tentang pengurusan kewangan berasaskan syariah dapat membantu jemaah membuat keputusan kewangan yang bijak. Selain itu, masjid juga boleh menubuhkan koperasi yang menawarkan latihan dan bimbingan kepada usahawan Muslim. Dengan memberikan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan, masjid dapat membantu meningkatkan daya saing masyarakat dalam bidang ekonomi (Abd Wakil et al., 2024). Masjid juga boleh menjalin kerjasama dengan institusi lain seperti badan-badan kerajaan, NGO, institusi perbankan dan institusi pendidikan untuk melaksanakan program-program pembangunan ekonomi. Kerjasama

ini dapat membantu masjid mendapatkan sumber dan sokongan yang diperlukan untuk melaksanakan inisiatif ekonomi (Aris & Musa, 2014). Sebagai contoh, masjid boleh bekerjasama dengan Lembaga Zakat untuk membuka kaunter kutipan dan agihan zakat. Ini akan memudahkan masyarakat untuk menunaikan kewajipan zakat mereka dan memastikan bahawa dana zakat disalurkan kepada mereka yang memerlukan. Selain itu, masjid juga boleh bekerjasama dengan institusi pendidikan untuk mengadakan program latihan kemahiran yang dapat membantu meningkatkan ilmu dan peluang pekerjaan dalam kalangan jemaah (Abd Wakil et al., 2024).

### **Metadologi**

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif. Reka bentuk kajian kualitatif bersesuaian dengan bidang sains sosial seperti historiografi, etnografi, dan sosiologi kualitatif. Menurut Creswell (2014), kajian kualitatif adalah pendekatan untuk meneroka dan memahami makna yang diberikan oleh individu atau kumpulan terhadap masalah sosial atau kemanusiaan. Pengkaji menggunakan analisis dokumen bagi mengumpul maklumat berkaitan dengan tajuk kajian. Terdapat dua kaedah pengumpulan data iaitu data primer dan data sekunder (Taherdoos, 2021). Analisis sekunder melibatkan penggunaan bahan yang telah diterbitkan seperti artikel, buku, jurnal, akhbar laman sesawang dan juga kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian terhadap kedua-dua sumber ini membolehkan pengkaji memahami prinsip-prinsip asas dan pandangan Islam berkaitan dengan fungsi dan peranan masjid dalam komuniti Muslim. Analisis kandungan dan dokumen ini dilakukan dengan teliti untuk memastikan kesahihan dan ketepatan maklumat yang diperolehi (Bowen, 2009). Kaedah ini membolehkan pengkaji untuk mendapatkan pandangan yang holistik dan kritikal mengenai subjek kajian, serta memastikan bahawa data yang dikumpulkan adalah sahih dan relevan.

### **Dapatan dan Perbincangan**

Di Malaysia, institusi masjid memainkan peranannya yang penting dalam pembangunan modal insan bagi komuniti muslim di sesuatu tempat atau kariah. Secara asasnya, masjid memainkan peranan yang amat penting sebagai pusat ibadah yang melibatkan pelbagai jenis amalan keagamaan. Fungsi utama masjid adalah sebagai tempat untuk melaksanakan ibadah wajib seperti solat fardhu, di mana ia menjadi pusat tumpuan umat Islam untuk menunaikan kewajipan mereka kepada Allah. Selain itu, masjid juga berfungsi sebagai tempat untuk ibadah sunat. Mohd Nor dan Wan Othman (2011) menyatakan, masjid berperanan sebagai pangkalan pembangunan insan yang berpaksikan kepada akidah yang benar dalam membina masyarakat ke arah memiliki nilai-nilai hidup yang mulia. Dengan memperkasakan fungsi-fungsi ini, masjid tidak hanya sekadar menjadi tempat solat semata-mata tetapi juga berperanan sebagai pusat spiritual dan keagamaan yang menyokong pelaksanaan pelbagai aspek ibadah dalam kehidupan sehari-hari umat Islam.

Masjid merupakan pusat ilmu percuma yang menawarkan pengajian Fardhu Ain selepas Maghrib yang sudah menjadi kelaziman di setiap masjid di Malaysia. Pengajian Fardhu Ain yang merangkumi ilmu tauhid, fekah dan tasawuf biasanya diwacanakan oleh guru-guru yang mahir dan bertauliah serta mendapat seliaan daripada Jabatan Agama Islam di setiap negeri. Di samping itu, masjid turut menjadi tempat menyemarakkan upacara sambutan hari-hari kebesaran Islam seperti Israk wal Mikraj, Nuzul al-Quran, Maal Hijrah dan lain-lain. Kesemua aktiviti tersebut sudah menjadi tradisi masyarakat muslim sama ada di bandar mahu pun di desa dan program-program ini sudah mengakar dalam budaya orang-orang Islam di Malaysia sejak sekian lama. Aktiviti dan tradisi yang baik ini terangkum dalam maksud meimarah dan

memakmurkan masjid yang menjadi pemangkin kepada pembangunan modal insan sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Quran:

*“Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk”.*

(Surah al-Taubah: 18)

Abdulaziz, Mohamed dan Zakaria (2008) menyatakan, masjid adalah tempat yang terbaik, tempat yang paling suci untuk mendidik dan membangunkan manusia menjadi insan yang dan masyarakat yang soleh. Kelemahan fungsi masjid akan memberi kesan kepada kelemahan umat Islam. Dengan cabaran semasa yang semakin kompleks serta mengancam akidah dan akhlak umat Islam, terutamanya dalam kalangan generasi muda, peranan masjid kini semakin penting. Cara hidup moden telah mengakibatkan pembangunan modal insan terjejas dan menyebabkan kehidupan masyarakat masa kini dipengaruhi dengan corak berfikir yang boleh menghancurkan akhlak dan iman manusia (Mahmud dan Azni, 2022).

Fenomena peningkatan isu-isu sosial seperti keruntuhan akhlak remaja, jenayah, bunuh diri, penderaan, tekanan jiwa, dan masalah rumah tangga yang semakin meruncing memerlukan institusi masjid untuk menjadi lebih proaktif dan memainkan peranan aktif dalam menyelesaikan permasalahan masyarakat, khususnya dalam kalangan anak-anak kariah. Remaja sering kali lebih tertarik kepada hiburan dan pengaruh yang melampaui norma dan moral kemanusiaan. Oleh itu, golongan ini perlu didekati melalui aktiviti yang bersesuaian di masjid. Masjid perlu dipersembahkan dengan cara yang lebih inovatif supaya ia tidak hanya dilihat sebagai pusat untuk golongan tua sahaja. Sebaliknya, remaja yang terdidik dengan baik akan mampu berperanan sebagai agen dalam menarik rakan-rakan mereka ke masjid (Abdulaziz, Mohamed dan Zakaria, 2008). Bagi mencapai matlamat ini, pihak masjid boleh menjalankan aktiviti-aktiviti khusus untuk remaja dengan kerjasama persatuan, pertubuhan, dan kumpulan-kumpulan tertentu secara langsung dan berterusan. Pengisian berbentuk kerohanian perlu disertakan dalam aktiviti-aktiviti tersebut agar remaja dapat menyebarkan dan memanfaatkan ilmu yang diperoleh di kalangan rakan-rakan sebaya mereka (Jamsari, Tumiran, Abu Bakar dan Arifin, 2010). Antara program dalaman dan luaran yang dilakukan oleh Masjid Daerah Kinta, Perak untuk menarik remaja ialah seperti Program Tahfiz Junior, Qiamulail, Solat Subuh Sejuta Pemuda, Futsal Belia Masjid Negeri Perak, Program Rekreasi Belia, Program Penghasilan Robotik dan pelbagai aktiviti menarik yang lain (Ibrahim, Sahad dan Abdullah, 2022). Selain itu, kempen ‘Subuh Macam Jumaat’ yang dipelopori oleh selebriti Aliff Satar telah berjaya menarik minat ahli kariah di setiap masjid. Kempen ini telah menjadi satu fenomena yang menggalakkan semua lapisan masyarakat untuk bersama-sama menunaikan solat Subuh secara berjemaah di surau dan masjid, bukan sahaja di Malaysia malah di Singapura (Ab Kadir, 2024).

Selain itu, masjid juga berperanan sebagai pusat rujukan dalam masalah - masalah kehidupan masyarakat Islam sehingga mampu menyediakan jawapan yang munasabah dan Islamik bagi setiap persoalan yang timbul. Malahan masjid wajar menubuhkan pusat kaunseling bagi memberi khidmat nasihat dalam menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam masa kini. Situasi ini akan meletakkan masjid menjadi tempat rujukan penting kepada komuniti untuk mereka mendapatkan bimbingan spiritual, kaunseling perkahwinan, pendidikan kesihatan mental, sokongan emosional dan lain-lain. Perkara ini

sekaligus mengangkat peranan imam, bilal dan jawantankuasa masjid menjadi pakar rujuk bukan sekadar dalam masalah hukum-hakam agama tetapi juga masalah-masalah berkaitan kehidupan. Jika ini dapat dilakukan, sudah pasti masjid akan dipandang tinggi dan dihormati sebagai nadi pembangunan modal insan yang cemerlang.

Dari aspek pengukuhan ekonomi setempat, masjid memainkan peranan penting sebagai penggerak ekonomi komuniti melalui pelbagai inisiatif dan program. Menurut Tamuri (2021), masjid merujuk kepada tempat di mana segala aktiviti manusia dilaksanakan sebagai tanda kepatuhan kepada Allah. Oleh itu, masjid berfungsi sebagai pusat bagi semua aktiviti dan program kebajikan umat Islam. Dalam Islam, masjid adalah pusat dan nadi kegiatan umat, baik dalam aspek kerohanian mahupun keduniaan. Ini termasuk aktiviti yang melibatkan hubungan antara manusia dengan Pencipta serta interaksi sesama manusia dalam menguruskan urusan keagamaan, sosial, ekonomi, keilmuan dan kenegaraan. Selain itu, masjid dapat menjadi penggerak utama dalam memperkukuh ekonomi umat melalui pelbagai inisiatif yang dapat membantu masyarakat setempat. Dengan memanfaatkan sumber yang ada, masjid boleh memainkan peranan penting dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat dan membangunkan ekonomi Islam secara keseluruhan (Kamaruddin, 2023). Peranan masjid dalam pembangunan ekonomi Islam dapat dilihat dengan ketara, antaranya termasuklah pengurusan dana, penglibatan dalam aktiviti ekonomi, pendidikan ekonomi, dan kerjasama dengan institusi-institusi lain.

Dalam konteks pembangunan ekonomi komuniti setempat, masjid-masjid di Malaysia telah mula melangkah ke arah ini dengan melibatkan diri secara aktif dalam usaha pengumpulan derma dan zakat. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan dana masjid serta memastikan pengagihan wang zakat dilakukan dengan lebih efektif kepada golongan asnaf, khususnya dalam kalangan anak-anak kariah. Pengagihan zakat yang efisien dapat membantu mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan ekonomi komuniti. Ini selaras dengan anjuran al-Quran yang menggalakkan faqir miskin dan golongan yang berkeperluan diberi pembelaan dan bantuan. Allah berfirman:

*Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dipujuk hatinya, untuk (memerdekakan) hamba, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk mereka yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana*

(Surah Taubah: 60)

Salah satu aspek utama dalam peranan masjid dalam pembangunan ekonomi Islam ialah pengurusan dana. Masjid biasanya menerima sumbangan dari jemaah melalui kutipan derma, zakat dan wakaf. Pengurusan dana yang efisien adalah kunci untuk memastikan bahawa sumber kewangan ini digunakan dengan sebaiknya. Masjid perlu menguruskan dana yang diperoleh dengan cara yang telus dan bertanggungjawab, serta memastikan bahawa sumbangan yang diterima disalurkan kepada program-program yang memberi manfaat kepada masyarakat. Sebagai contoh, masjid boleh menggunakan dana yang diperoleh untuk membiayai program-program kebajikan seperti pemberian bantuan kepada golongan miskin dan mereka yang memerlukan. Selain itu, dana ini juga boleh digunakan untuk membangunkan projek-projek ekonomi seperti penubuhan koperasi masjid yang dapat membantu meningkatkan pendapatan anak kariah (Bakar, 2019).

Pada masa kini, masjid-masjid di Malaysia secara aktif menganjurkan bazar, jualan amal, dan karnival keusahawanan sebagai platform yang menyediakan ruang bagi peniaga kecil untuk memasarkan produk mereka kepada komuniti. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja merencanakan ekonomi setempat tetapi juga menyokong pembangunan usahawan kecil dan sederhana. Sesetengah masjid turut menyediakan kursus dan bengkel keusahawanan bagi membantu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang perniagaan khususnya kepada usahawan kecil dan usahawan desa. Lebih menarik, terdapat masjid yang berjaya menubuhkan koperasi yang berasaskan komuniti. Koperasi yang dibangunkan ini akan memberi manfaat kepada komuniti yang menjadi anggota seperti manfaat bantuan modal bagi memulakan perniagaan, pembelian barangan secara ansuran, peluang pelaburan dan lain-lain. Melalui koperasi juga, masjid dapat mengelola premis kedai, tanah pertanian, ladang buah-buahan dan lain-lain. Keuntungan dari usaha koperasi ini dapat diagihkan kepada anggota sehingga meningkatkan pendapatan mereka. Ini semua akan membantu meningkatkan taraf hidup anggota koperasi dan masyarakat Islam secara keseluruhan. Situasi ini berjaya memperlihatkan masjid tidak sebagai tempat ibadah semata-mata sebaliknya masjid turut berperanan sebagai pusat aktiviti ekonomi mikro.

Secara keseluruhan, institusi masjid mempunyai peranan yang sangat penting dalam pembangunan ekonomi Islam. Melalui pengurusan dana yang efisien, penglibatan dalam aktiviti ekonomi, pendidikan ekonomi, dan kerjasama dengan institusi lain, masjid dapat membantu memperkukuh ekonomi masyarakat dan meningkatkan taraf hidup umat Islam. Dengan memanfaatkan potensi masjid sebagai pusat ekonomi, kita dapat membangunkan masyarakat yang lebih sejahtera dan berdaya saing dalam dunia yang semakin mencabar ini. Dalam era moden ini, adalah penting bagi masjid untuk beradaptasi dengan perubahan dan memanfaatkan teknologi untuk meningkatkan keberkesanan program-program ekonomi mereka (Bakar, 2019). Melalui langkah-langkah yang strategik, masjid berpotensi menjadi pemangkin utama dalam pembangunan ekonomi Islam, serta memainkan peranan penting dalam membantu masyarakat mencapai kemakmuran yang lebih menyeluruh. Dana yang dikumpulkan dengan jumlah yang signifikan ini wajar dimanfaatkan untuk kepentingan pembangunan masyarakat Islam secara holistik, bukan sahaja terbatas kepada aspek keagamaan, tetapi turut meliputi bidang ekonomi ummah. Oleh yang demikian, pengurusan masjid perlu bersikap lebih terbuka dan proaktif dalam usaha menjana sumber kewangan masjid, agar kelangsungan aktiviti-aktiviti masjid dapat dipertingkatkan dan manfaatnya dapat diperluaskan kepada seluruh lapisan masyarakat.

### **Kesimpulan**

Hakikatnya, masjid-masjid di Malaysia telah menunjukkan kemajuan yang signifikan dan semakin progresif dalam peranannya. Pembangunan modal insan telah lama menjadi agenda utama dalam penganjuran program-program masjid, terutamanya yang bersifat spiritual dan keilmuan. Namun, kebimbangan timbul berkenaan penyertaan golongan muda dan belia yang dilihat kurang memberangsangkan dalam usaha memakmurkan dan memajukan masjid. Kebanyakan solat berjemaah dan majlis ilmu di masjid dihadiri oleh golongan yang lebih berusia. Jika fenomena ini berlarutan, matlamat pembangunan modal insan yang disasarkan mungkin tidak akan tercapai. Ini kerana golongan muda dan belia merupakan generasi pelapis kepimpinan ummah di masa hadapan, selaras dengan pepatah, “Pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara”. Oleh itu, usaha bersepadu oleh semua pihak amat diperlukan untuk menangani situasi ini demi merealisasikan impian melahirkan generasi Madani yang berilmu dan berakhlak mulia.



Begitu juga, peranan masjid dalam pembangunan ekonomi komuniti memang sedang giat dijalankan, namun jika diamati secara mendalam, jelas kelihatan bahawa peranan tersebut banyak dipelopori oleh masjid-masjid di kawasan bandar. Sebaliknya, masjid-masjid di kawasan pedalaman, seperti di kampung dan tanah rancangan, masih kurang melaksanakan program penjana ekonomi komuniti dan tidak mendapat perhatian yang sewajarnya. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh kurangnya penglibatan tenaga muda dan golongan berpendidikan dalam pentadbiran serta pengurusan masjid. Senario ini menyebabkan masjid kekurangan pemimpin yang mempunyai idea-idea baharu yang kreatif dan inovatif, sehingga pengurusan masjid dilaksanakan secara kebiasaan dan sekadar meneruskan agenda tradisi tanpa memberi perhatian kepada agenda yang lebih besar. Oleh yang demikian, penyertaan golongan muda dan kelompok berpendidikan dalam pengurusan masjid amatlah penting untuk memperkasa peranan masjid sebagai pusat pembangunan modal insan dan seterusnya menobatkan masjid sebagai pusat pembangunan ekonomi setempat.

### Rujukan

- Abd Wakil, M. N., Ab Rahman, A., & Baharuddin, A. S. (2024). Pemerksaan institusi masjid sebagai pusat bantuan ekonomi lokal di malaysia: Empowering Mosque Institutions as Local Economic Aid Centers in Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(2), 115-126.
- Abd. Wahab, N.A., Ab. Hamid., N., & Che Man., N. (2016). Pemerksaan peranan masjid di malaysia era kontemporari. *Volume 5 Issue 2 2016 e-Academia Journal UiTMT*
- Abdulaziz, M., Mohamed, A., & Zakaria, M. (2008). *Peranan Masjid dalam Pembangunan Modal Insan dan Masyarakat*. Dlm Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan.
- Ahmad, M. Y. (2002). *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: penerbit Universiti Malaya.
- Ajmain, T. & Abdul Majid, S. (2019). Masjid Medium Pendidikan Membina Masyarakat Berakhlak. *Seminar Kebangsaan Keluarga Sejahtera Negeri Johor 2019*.
- Aris, H. R. B., & Musa, N. S. B. (2014, Disember). Pengurusan Tabung Masjid Ke Arah Pembangunan Ekonomi Masyarakat Setempat. Dlm *International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*, Disember (pp. 180-188).
- Bakar, M. D. (2019). *Masjid penggerak ekonomi dan pembangunan ummah*. <http://www.mohddaubakar.com/index.php/blog/182-masjid-penggerak-ekonomi-dan-pembangunan-ummah>
- Bowen, G. A. (2009). "Document Analysis as a Qualitative Research Method." *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27-40.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approach*. (4 th ed.). Los Angeles, CA: Sage.
- Darusalam, G. (2001). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ibhraim, M. R., Harun, M. S., & Mahmood, A. R. (2021). Pengimarahen masjid berkonsepkan pembangunan sosial: Enlivening the mosque through the concept of social development. *Journal of Muwafaqat*, 4(2), 93-105.
- Ibrahim, M.i., Sahad, M.N. & Abdullah, S. (2020). Pembangunan Remaja Masjid Masa Kini: Satu Tinjauan di Masjid Daerah Kinta, Perak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*
- Ilias, M. F. & Jasmi, K. A. (2011). Peranan pendidikan islam dalam pembangunan modal insan kelas pertama. *Persidangan Kebangsaan Sains Sosial di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)* pada 20 - 21 April 2011.

- Ismail, M. A. (2020). *Masjid jadi pusat aktiviti ekonomi*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/110572/khas/wacanaquran/masjid-jadi-pusat-aktiviti-ekonomi>
- Jamsari, E. A., Tumiran, S.N., Abu Bakar, K. dan Arifin, Z. (2010). Peranan dan sumbangan institusi masjid dalam pembangunan masyarakat Melayu-Islam di Singapura. Satu Kajian di Masjid Assyafah, Sembawang. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(2) 2010, 31-34
- Kamaruddin, N. (2023). Peranan Dana Masjid Dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat Setempat. *International Conference on Syariah & Law 2023 (ICONSYAL 2023)*
- Khalim, Z., & Aminuddin, B. A. (2008). *Pengurusan tingkah laku remaja ke arah pemeraksanaan pembangunan modal insan: Berdasarkan teori Barat dan pendekatan Islam*. Dalam *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan*
- Md Radzi, M.B. & Yaacob, S.E & Ahmad, A.A. (2023). Masjid sebagai alternatif pusat penjanaan ekonomi masyarakat setempat: Satu sorotan literatur. *Journal Of Contemporary Islamic Law (2023) Vol. 8(1): 36-41* <https://doi.org/10.26475/jcil.2023.8.1.05>
- Mohd Hussin, M. Y., Muhammad, F., Hassan, M., Razak, A. A., & Habidin, N. F. (2014). Sistem Elektronik Perakaunan Masjid (EMAS) Mencetus Idea Penjanaan Ekonomi Masyarakat Setempat. *PROSIDING PERKEM ke-9 (2014) (pp. 747-753)*.
- Mohd Nor, M.R. & Wan Othman. W.M.T. (2011). Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal at-Ta'dib*, 6(1), 59–78
- Mohd Salleh, A. (2003). *Pendidikan Islam: Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Muhyiddin, A. D., & Ridouan, A. (2021). Peranan Ahli Kariah Masjid Dalam Mengimarahkan Aktiviti-Aktiviti Masjid: Satu Kajian Di Masjid Taman Bukit Bendera, Mentakab, Pahang Darul Makmur. *Jurnal Al-Sirat*, 19(1), 117-134.
- Omar, H. H., Isa, M. Y., & Yusuff, N. (2015). Pengurusan Kewangan Dana Masjid: Satu Kajian di Daerah Kubang Pasu, Kedah. *International Journal of Management Studies*, 22(2), 115–134.
- Roslan, M. (2004). Memperkasa masjid sebagai institusi pembangunan insan. Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid.
- Rosli, Mahmud., S.F., & Azni, M.E. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam membangunkan modal insan bersepadu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 86 – 103. Satu tinjauan di masjid Daerah Kinta, Perak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(3): 168-183
- Suhid, A. (2007). Pengajaran Adab & Akhlak Islam Dalam Membangunkan Modal Insan. *Jurnal Pengajian Umum Bil. 8*.
- Taherdoost, H. (2021). Data Collection Methods and Tools for Research; A Step-by-Step Guide to Choose Data Collection Technique for Academic and Business Research Projects. *International Journal of Academic Research in Management (IJARM)*, 2021, 10 (1), pp.10-38. [ffhal-03741847](https://doi.org/10.55573/IJARM.2021.10.1.10-38).
- Tamuri, A. H. (2021). Konsep dan pelaksanaan fungsi masjid dalam memartabatkan masyarakat. *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 1(1), 1–12. <https://doi.org/10.53840/almimbar.v1i1.11>
- Wahab, N. A. A., Hamid, N. A., & Man, N. C. (2017). Pemeraksanaan peranan masjid di Malaysia era kontemporari. *e-Academia Journal*, 5(2).